

10 APRIL 2018

## Petik malam

ABDUL Latif menunjukkan daun ketum yang siap dibungkus.

Zuliaty Zulkiffi  
cnews@nstp.com.my

### Bukit Kayu Hitam

**P**embekal daun ketum di daerah Sik mengambil kesempatan menanam pokok ketum dalam kawasan ladang getah susulan permintaan tinggi di negara jiran.

Kegiatan itu terbongkar apabila pasukan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) menyerbu sebuah bangsal di kawasan kebun getah di Kampung Kubang Kesom, di Sik malam kelmarin yang membawa penemuan 760 kilogram (kg) daun ketum siap dibungkus.

Dalam serbuan jam 10.15 malam itu, anggota AKSEM menemui 750kg daun ketum itu di dalam beberapa bakul di bawah bangsal berkenaan manakala 10kg lagi ditemui di dalam van Nissan Vanette yang ditinggalkan di hadapan bangsal itu.

Komander AKSEM Kedah, Abdul Latiff Abd Rahman berkata, hasil pemeriksaan



juga menemui beberapa pokok ketum yang dipercayai ditanam di kawasan kebun getah berkenaan.

Beliau berkata, hasil siasatan pasukan yang diketuai Inspektor Ananda Krishnan itu bagaimanapun tidak menemui sesiapa di kawasan itu dan tiada tangkapan dilakukan di situ.

"Kami percaya daun ketum yang sudah siap dibungkus dengan plastik putih itu sengaja ditinggalkan di situ dan bersedia untuk di-

hantar kepada pihak ketiga.

"Modus operandi yang dilakukan mereka dengan memetik daun ketum di kawasan kebun getah itu pada waktu malam untuk mengelak dikesan orang lain.

"Malah kami percaya individu terbabit membungkus daun berkenaan pada waktu itu juga (malam) untuk mengekalkan kesegaran daun itu dan tahan lama berbanding daun tidak dibungkus yang mudah rosak," katanya.

Abdul Latif berkata, hasil siasatan mendapati daun ketum itu dipercayai akan dihantar ke pantai timur menerusi laluan di Sik untuk dihantar ke negara jiran, Thailand.

Beliau berkata, kawalan ketat di sempadan di negeri ini iaitu Bukit Kayu Hitam dan Kota Putra di Durian Burung menyebabkan individu terbabit tidak menggunakan laluan berkenaan bagi mengelak menanggung kerugian.